

04 FEB 1999

Zaharah-Wanita

WANITA UMNO MINTA DUA KERUSI TAMBAHAN DUN SABAH

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno hari ini meminta Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menimbang permohonan pergerakan itu supaya diperuntukkan dua kerusi tambahan pada pilihan raya dewan undangan negeri 20 (DUN) Sabah yang akan diadakan tidak lama lagi.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata pergerakan itu kini hanya mempunyai seorang wakil dalam DUN Sabah iaitu Timbalan Ketua Wanita Umno Sabah, Dayang Mahani Tun Raffaie (Lumadan).

Keputusan itu berdasarkan komitmen dan keyakinan Barisan Nasional (BN) dalam memenangi pilihan raya negeri Sabah serta kesanggupan pemimpin Umno pusat untuk turun padang membantu calon-calon BN di Sabah, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Wanita Umno di sini.

"Wanita Umno Sabah turut turun padang untuk memastikan kemenangan berpihak kepada BN dan daripada apa yang saya tahu mereka sendiri begitu bersemangat tinggi dan sedang bekerja kuat untuk memastikan BN menang," katanya.

Zaharah berkata terpulang kepada pucuk pimpinan Umno untuk menimbang permohonan pergerakan itu.

Menurutnya setakat ini, Dr Mahathir telah memberi reaksi yang positif terhadap permohonan pergerakan itu.

Zaharah berkata Wanita Umno akan meminta Dr Mahathir memperuntukkan kerusi Parlimen tambahan bagi pergerakan itu untuk pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

JAI LAT